



UNDANG-UNDANG BAGI PERSATUAN KEBAJIKAN DAN PENGUBATAN ISLAM

**BANDAR BARU BANGI
SELANGOR DARUL EHSAN**

ISI KANDUNGAN

BAB PERTAMA: NAMA DAN TEMPAT URUSAN	1
Fasal 1: NAMA.....	1
Fasal 2: TEMPAT URUSAN.....	1
BAB KEDUA: MAKSUD PERKATAAN	2
Fasal 3: MAKSUD PERKATAAN DI DALAM PERLEMBAGAAN INI ADALAH SEPERTI BERIKUT: 2	
BAB KETIGA: DASAR DAN OBJEKTIF	3
Fasal 4: DASAR DAN OBJEKTIF PERSATUAN.....	3
Fasal 5: PERLAKSANAAN DASAR DAN OBJEKTIF	3
BAB KEEMPAT: KEAHLIAN	5
Fasal 6: JENIS AHLI.....	5
Fasal 7: PERMOHONAN MENJADI AHLI	5
Fasal 8: PENERIMAAN MENJADI AHLI	5
Fasal 9: PEMBERHENTIAN, PEMECATAN DAN MASUK SEMULA	6
Fasal 10: TANGGUNGJAWAB/ HAK KEAHLIAN.....	6
BAB KELIMA: KEWANGAN	8
Fasal 11: TAHUN KEWANGAN	8
Fasal 12: SUMBER KEWANGAN	8
Fasal 13: CARA MENYIMPAN DAN MENGGUNAKAN WANG PERSATUAN.....	8
Fasal 14: PEMERIKSAAN KIRA-KIRA	9
BAB KEENAM: PENTADBIRAN PERSATUAN	10
Fasal 15: JAWATANKUASA	10
Fasal 16: TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA	10
Fasal 17: KUASA JAWATANKUASA.....	11
Fasal 18: MESYUARAT JAWATANKUASA	12
Fasal 19: TUGAS DAN KUASA AHLI JAWATANKUASA.....	13
Fasal 20: MESYUARAT AGUNG	15
Fasal 21: PENAUNG DAN PENASIHAT PERSATUAN	16
Fasal 22: PINDAAN UNDANG-UNDANG	17
Fasal 23: PELABURAN HARTA TETAP	17
Fasal 24: PEMEGANG AMANAH	17
BAB KETUJUH: PERTIKAIAN.....	19
Fasal 25: PERTIKAIAN	19
BAB KELAPAN: TAFSIRAN UNDANG-UNDANG	20
Fasal 26: TAFSIR UNDANG-UNDANG	20
BAB KESEMBILAN: LARANGAN	21
Fasal 27: LARANGAN	21
BAB KESEPULUH: PEMBUBARAN PERSATUAN	22
Fasal 28: PEMBUBARAN PERSATUAN.....	22
Fasal 29: LOGO PERSATUAN.....	22

BAB PERTAMA: NAMA DAN TEMPAT URUSAN

Fasal 1: NAMA

Persatuan ini dinamakan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Fasal 2: TEMPAT URUSAN

Tempat urusan Persatuan ini ialah di DARUSSYIFA' No 5, Jalan 1/7D, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan; atau lain-lain tempat atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa. Tempat urusan Persatuan tidak boleh diubah tanpa kebenaran pendaftar pertubuhan terlebih dahulu.

BAB KEDUA: MAKSUD PERKATAAN

Fasal 3: MAKSUD PERKATAAN DI DALAM PERLEMBAGAAN INI ADALAH SEPERTI BERIKUT:

3.1 "Undang-Undang": Undang-Undang Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

3.2 "Persatuan" Dimaksudkan Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

3.3 "Jawatankuasa" ialah Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

BAB KETIGA: DASAR DAN OBJEKTIF

Fasal 4: DASAR DAN OBJEKTIF PERSATUAN

- 4.1 Menyatukan umat Islam di bawah satu semangat persaudaraan dalam Islam.
- 4.2 Meningkatkan kefahaman Islam dikalangan masyarakat Islam untuk mencapai kepada tahap ketaqwaan yang tinggi kepada Allah SWT.
- 4.3 Berusaha untuk menguatkan keyakinan masyarakat Islam tentang ilmu penguatan cara Islam dengan bermatlamatkan untuk meningkatkan keimanan mereka kepada Allah.
- 4.4 Menanam dan menyebarkan hakikat Islam yang sebenar kepada semua masyarakat Islam sebagai satu cara hidup yang merangkumi segala aspek kemajuan pendidikan, kemasyarakatan dan penguatan.
- 4.5 Bekerjasama dengan mana-mana badan, khasnya di Selangor dan amnya di Malaysia, yang mempunyai kepentingan yang sejajar dengan objektif Persatuan untuk kebajikan dan kemajuan Islam.
- 4.6 Mengambil segala langkah-langkah untuk mencapai tujuan di atas.

Fasal 5: PERLAKSANAAN DASAR DAN OBJEKTIF

Untuk mencapai kepada pelaksanaan dasar dan objektif seperti yang diterangkan di atas, Persatuan akan menjalankan usaha seperti berikut.

- 5.1 Mengadakan siri-siri ceramah, bertukar-tukar fikiran dalam mempelajari ilmu-ilmu keagamaan dengan penekanan khusus kepada bidang penguatan secara Islam.
- 5.2 Menyumbangkan tenaga bakti dalam memberi bantuan penguatan kepada yang memerlukan.
- 5.3 Mengaturkan latihan-latihan untuk membersihkan diri zahir dan batin untuk lebih mudah menerima pelajaran-pelajaran yang mengarah kepada melakukan kebaikan sesuai dengan ajaran agama Islam.
- 5.4 Melaksanakan pembangunan dan pentadbiran rumah Persatuan setelah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa terlebih dahulu.

- 5.5 Mengadakan kutipan wang dari punca-punca yang dibolehkan oleh agama dan undang-undang untuk membiayai kegiatan-kegiatan Persatuan.
- 5.6 Mentadbir rumah Persatuan mengikut cara yang diluluskan oleh Jawatankuasa.
- 5.7 Membeli, memiliki, melupus, menerima wakaf, hibah dan harta tanah dan harta boleh alih seperti kereta, van, ambulans untuk kegunaan dan kebajikan masyarakat Islam dengan syarat bahawa Persatuan tidak akan menjalankan apa-apa perniagaan.

BAB KEEMPAT: KEAHLIAN

Fasal 6: JENIS AHLI

- 6.1 Ahli-ahli Persatuan ini terbahagi kepada tiga jenis keahlian:
 - 6.1.1 Ahli Biasa
 - 6.1.2 Ahli Kehormat
 - 6.1.3 Ahli Seumur Hidup
- 6.2 Tertakluk kepada peruntukan 6.3, ahli biasa dan ahli seumur hidup adalah terbuka kepada semua umat Islam yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas.
- 6.3 Untuk diterima menjadi ahli seseorang itu hendaklah telah mengikuti kuliah pengubatan Islam dan lulus ujian yang diadakan oleh Persatuan atau sekurang-kurangnya telah diterima untuk menjalani kuliah pengubatan Islam yang dikendalikan oleh Persatuan.
- 6.4 Ahli kehormat adalah mereka yang dilantik dikalangan tokoh-tokoh Islam yang terkemuka dan berjasa kepada negara atau Persatuan atau bekas ahli Persatuan yang berpengetahuan luas dalam selok belok agama Islam. Keahlian ahli kehormat akan diluluskan oleh ahli Jawatankuasa atau Mesyuarat Agung dengan mendapat persetujuan (2/3) daripada ahli yang hadir.
- 6.5 Ahli seumur hidup ialah seorang ahli biasa yang telah membuat permohonan kepada Jawatankuasa dan membuat bayaran yurannya seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 12.4.

Fasal 7: PERMOHONAN MENJADI AHLI

Permohonan untuk menjadi ahli biasa dan ahli seumur hidup hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan menjadi ahli. Permohonan tersebut hendaklah dicadang dan disokong oleh dua orang ahli biasa atau ahli seumur hidup Persatuan.

Fasal 8: PENERIMAAN MENJADI AHLI

- 8.1 Permohonan menjadi ahli biasa dan ahli seumur hidup akan dipertimbangkan oleh ahli Jawatankuasa. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.

- 8.2 Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas adalah, setelah membayar yuran pendaftaran dan yuran pertama seperti yang ditentukan dalam Fasal 12.2, diterima menjadi ahli Persatuan dan mempunyai hak sebagai ahli.

Fasal 9: PEMBERHENTIAN, PEMECATAN DAN MASUK SEMULA

- 9.1 Seseorang ahli akan terhenti daripada menjadi ahli Persatuan dan akan luput hak-hak dan faedah-faedah yang terkandung di dalam undang-undang ini apabila berlaku satu daripada perkara-perkara berikut:
- 9.1.1 Meninggal dunia.
 - 9.1.2 Meminta berhenti dari menjadi ahli dengan bersurat dua minggu terlebih dahulu dan menjelaskan segala hutangnya dan disahkan oleh Jawatankuasa.
 - 9.1.3 Engkar kepada undang-undang atau bertindak dalam cara yang akan mencemar nama baik Persatuan. Dalam hal ini Jawatankuasa boleh memecat atau menggantungkan keahliannya bagi sesuatu tempoh yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum pemecatan tersebut dijalankan, ahli tersebut hendaklah diberitahu terlebih dahulu dan diberi peluang untuk membela dirinya.
- 9.2 Seseorang ahli yang terhenti keahliannya di bawah Fasal 9.1.2 dan 9.1.3 boleh menjadi ahli semula dengan mengisi borang permohonan baru, membayar semula yuran pendaftaran dan membayar segala hutang, jika ada kepada Persatuan.
- 9.3 Seseorang ahli yang dipecat daripada menjadi ahli tidak boleh diterima menjadi ahli semula melainkan:
- 9.3.1 Mesyuarat agung meminda atau membatalkan pemecatan ahli itu; atau
 - 9.3.2 Ahli berkenaan membuat rayuan kepada Jawatankuasa dan Jawatankuasa bersetuju menerima keahliannya semula.

Fasal 10: TANGGUNGJAWAB/ HAK KEAHLIAN

- 10.1 Tiap-tiap ahli biasa dan ahli seumur hidup mempunyai tanggungjawab seperti berikut:
- 10.1.1 Memegang teguh dan melaksanakan kehendak Undang-Undang;

- 10.1.2 Menghadiri mesyuarat agung.
 - 10.1.3 Patuhi dengan segala keputusan yang diambil dalam mesyuarat agung dan mesyuarat Jawatankuasa;
 - 10.1.4 Menjelaskan apa-apa yuran yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- 10.2 Tiap-tiap ahli biasa dan ahli seumur hidup mempunyai hak ke atas perkara-perkara berikut;
- 10.2.1 Menghadiri mesyuarat dan mengundi di dalam mesyuarat agung Persatuan dan memegang jawatan;
 - 10.2.2 Menggunakan harta benda persatuan dengan izin Jawatankuasa;
 - 10.2.3 Menyemak buku daftar keahlian yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, nama dan alamat majikan dan alamat tempat tinggal dan segala penyata Persatuan setelah diberitahu dan mendapat kebenaran dari Jawatankuasa secara bertulis, tujuh (7) hari sebelumnya;
 - 10.2.4 Menarik diri daripada menjadi ahli Persatuan dengan syarat.
 - 10.2.4.1 memberitahu dengan cara bertulis kepada setiausaha terlebih dahulu;
 - 10.2.4.2 Penarikan diri itu disahkan oleh Jawatankuasa;
 - 10.2.4.3 Apa-apa yuran yang dibayar oleh ahli tidak akan dikembalikan.

BAB KELIMA: KEWANGAN

Fasal 11: TAHUN KEWANGAN

Tahun kewangan bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

Fasal 12: SUMBER KEWANGAN

- 12.1 Yuran Pendaftaran untuk menjadi Ahli Biasa ialah Lima Ringgit (RM5.00).
- 12.2 Yuran bagi Ahli Biasa ialah Dua Belas Ringgit (RM12.00) setahun.
- 12.3 Yuran tahunan hendaklah dijelaskan pada bulan Januari dap-tiap tahun.
- 12.4 Yuran bagi Ahli Seumur Hidup ialah Satu Ratus Ringgit (RM100.00) dibayar sekali gus tanpa mengira berapa lamakah pemohon itu telah menjadi ahli biasa.
- 12.5 Punca-punca lain yang halal di sisi Undang-Undang termasuklah derma, subsidi, bantuan, wakaf dan sebagainya. Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu memohon kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk mendapatkan perlepasan cukai pendapatan bagi sumber kewangan ini.

Fasal 13: CARA MENYIMPAN DAN MENGGUNAKAN WANG PERSATUAN

- 13.1 Wang Persatuan hendaklah disimpan di dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa dan kira-kira itu hendaklah atas nama Persatuan. Bendahari hanya dibenarkan menyimpan wang tunai di tangan tidak lebih dari Tiga Ratus Ringgit (RM300.00) sahaja. Wang yang lebih dari jumlah itu hendaklah dimasukkan ke dalam bank di dalam tempoh satu (1) minggu.
- 13.2 Tiap-tiap cek untuk mengeluarkan wang Persatuan yang ada di dalam bank hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua orang yang terdiri dari Pengerusi, Bendahari, Setiausaha dan seorang ahli Jawatankuasa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa.
- 13.3 Semua yuran Persatuan yang tersebut di Fasal 12.2 tidak boleh dikembalikan kepada ahli-ahli yang berhenti.

- 13.4 Perbelanjaan yang lebih dari Lima Ratus Ringgit (RM500.00) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar tanpa kelulusan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa. Perbelanjaan yang kurang daripada Lima Ratus Ringgit (RM500.00) bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh mana-mana dua orang yang terdiri dari Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan seorang ahli Jawatankuasa yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

Fasal 14: PEMERIKSAAN KIRA-KIRA

- 14.1 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah melantik dua orang Pemeriksa Kira-Kira Dalam dan jika perlu seorang Juruaudit Luar yang bertauliah. Mereka akan memegang jawatan selama setahun dan boleh dilantik semula.
- 14.2 Tugas-tugas Pemeriksa Kira-Kira Dalam ialah:
- 14.2.1 Memeriksa dan mengesahkan Penyata Kewangan yang disediakan oleh Bendahari dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan;
 - 14.2.2 Memeriksa segala penyata kewangan bila-bila masa yang difikirkan perlu dan membuat laporan kepada Jawatankuasa;
- 14.3 Tugas Juruaudit Luar ialah:
- 14.3.1 Memeriksa dan mengesahkan Penyata Kewangan yang disediakan oleh Bendahari dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan bagi semua wang dan harta yang telah diberi kelepasan cukai pendapatan oleh Pihak Berkuasa. Penyata Kewangan ini hendaklah dibantar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri tiap- tiap tahun

BAB KEENAM: PENTADBIRAN PERSATUAN

Fasal 15: JAWATANKUASA

- 15.1 Pentadbiran Persatuan adalah di bawah tanggungjawab sebuah Jawatankuasa yang mengandungi tidak lebih daripada sebelas (11) orang.
- 15.2 Lapan (8) orang ahli Jawatankuasa hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung, sekali dalam dua tahun dan tiga (3) orang lagi akan dilantik oleh Jawatankuasa.
- 15.3 Pencalonan bakal ahli Jawatankuasa hendaklah dicadangkan dan disokong dalam Mesyuarat Agung itu.
- 15.4 Mereka yang terpilih sebagai ahli Jawatankuasa hendaklah di antara mereka memilih seorang Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Pemilihan untuk jawatan tersebut hendaklah dibuat di dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Mesyuarat Agung diadakan.
- 15.5 Jawatankuasa boleh melantik tidak lebih dari tiga orang daripada kalangan Ahli Biasa dan Ahli Seumur Hidup sebagai ahli Jawatankuasa bagi jangka masa tidak lebih dari baki tempoh perantaraan Jawatankuasa,
- 15.6 Semua ahli Jawatankuasa dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran di dalam persatuan ini hendaklah terdiri dari warganegara Malaysia.
- 15.7 Ahli Jawatankuasa Persatuan ialah:-

Pengerusi
Setiausaha
Bendahari
Tidak lebih dari lapan (8) orang ahli Jawatankuasa biasa.

Fasal 16: TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

- 16.1 Tanggungjawab Jawatankuasa ialah:
 - 16.1.1 Menjalankan keputusan-keputusan yang telah diambil dalam Mesyuarat Agung;
 - 16.1.2 Mengambil dan melaksanakan dasar dan menjalankan tugas-tugas yang selaras dengan kehendak Undang-Undang;

- 16.1.3 Menjaga hartabenda dan wang Persatuan;
- 16.1.4 Mengeluar dan mengedarkan penerbitan yang mengandungi berita berkenaan dengan Persatuan dan berita-berita yang sesuai kepada semua ahli setelah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa berkenaan terlebih dahulu;
- 16.1.5 Berusaha mengadakan khidmat nasihat untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di kalangan ahli;
- 16.1.6 Mengadakan kegiatan-kegiatan selaras dengan objektif dan tujuan Persatuan;
- 16.1.7 Mengatur kegiatan-kegiatan selaras dengan objektif dan tujuan Persatuan;
- 16.1.8 Membentang dalam Mesyuarat Agung Tahunan, Laporan Tahunan dan penyata Kewangan Persatuan yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira;
- 16.1.9 Membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk mendapatkan perlepasan cukai pendapatan bagi sumber kewangan seperti di bawah Fasal 12.5.
- 16.2 Ahli Jawatankuasa yang tidak hadir Mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa. Jawatankuasa boleh mengisi kekosongan yang terdapat di dalam Jawatankuasa.
- 16.3 Ahli Jawatankuasa boleh melantik seseorang atau beberapa orang untuk menjadi penasihat kepada perjalanan persatuan. Tempoh lantikan ini tertakluk kepada keperluan Jawatankuasa itu.

Fasal 17: KUASA JAWATANKUASA

- 17.1 Menimbang dan memutuskan permohonan menjadi ahli Persatuan dan permohonan berhenti daripada menjadi ahli Persatuan dan permohonan perletakan jawatan ahli Jawatankuasa.
- 17.2 Melantik tidak lebih dari tiga (3) orang sebagai ahli Jawatankuasa.
- 17.3 Melantik seorang atau lebih untuk menjadi penasihat kepada Persatuan bagi tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- 17.4 Melantik Ahli Jawatankuasa yang dikosongkan daripada kalangan Ahli Biasa dan Ahli Seumur hidup.

- 17.5 Menubuhkan Jawatankuasa Kecil atau Jawatankuasa Khas jika perlu, menetapkan tugasnya dan berkuasa pula membubarkan pada bila-bila masa.
- 17.6 Memilih ahli bagi mewakili Persatuan di dalam sebarang perkumpulan atau jemaah atau mesyuarat yang memerlukan wakil Persatuan.
- 17.7 Mengkaji dan memberi keputusan atas kedudukan ahli Persatuan dalam perkara-perkara berikut:
 - 17.7.1 Menyebabkan Persatuan mendakwa atau didakwa di mahkamah;
 - 17.7.2 Melanggar Undang-Undang tubuh Persatuan;
 - 17.7.3 Tidak menyempurnakan yuran selama satu tahun.
 - 17.7.4 Berkelakuan yang difikirkan oleh Jawatankuasa boleh merosakkan nama baik Persatuan
- 17.8 Membuat keputusan muktamad tentang perkara yang tidak jelas di dalam Undang-Undang.

Fasal 18: MESYUARAT JAWATANKUASA

- 18.1 Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.
- 18.2 Tiap-tiap mesyuarat mestilah diberitahu oleh Setiausaha selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikhnya melainkan berlaku perkara berbangkit yang amat mustahak.
- 18.3 Pengerusi dengan bersendirian, atau tidak kurang dari tiga (3) orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa.
- 18.4 Korum mesyuarat ialah satu perdua (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa.
- 18.5 Sekiranya korum Mesyuarat Jawatankuasa tidak mencukupi, satu mesyuarat lain hendaklah diadakan selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas itu yang dipanggil oleh Setiausaha dengan tidak mengubah agenda asalnya.
- 18.6 Mesyuarat ahli Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi. Sekiranya Pengerusi tidak hadir, mesyuarat bolehlah

melantik salah seorang dari ahli Jawatankuasa kecuali Setiausaha untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

18.7 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan Mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli Jawatankuasa dengan cara surat edaran. Syarat-syarat berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:

18.7.1 Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibuktikan dengan terang di dalam surat edaran yang dihantar kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;

18.7.2 Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu;

18.7.3 Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.

Sebarang keputusan yang diperolehi melalui surat edaran hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat.

Fasal 19: TUGAS DAN KUASA AHLI JAWATANKUASA

19.1 Pengerusi

19.1.1 Menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa serta menandatangani semua minit-minit mesyuarat tersebut;

19.1.2 Menandatangani bersama seorang ahli Jawatankuasa segala cek untuk mengeluarkan wang Persatuan;

19.1.3 Mengumumkan pendirian Persatuan kepada orang ramai bagi pihak Persatuan setelah berunding dengan Jawatankuasa.

19.1.4 Mengarahkan Setiausaha supaya mengadakan mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Agung dan lain-lain mesyuarat jika perlu;

19.2 Setiausaha

19.2.1 Bertanggungjawab secara langsung kepada Pengerusi;

- 19.2.2 Memanggil semua Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa serta mencatatkan minit Mesyuarat-mesyuarat tersebut;
 - 19.2.3 Menyimpan segala rekod dan minit mesyuarat Persatuan;
 - 19.2.4 Menyediakan Laporan Tahunan yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan Persatuan dalam masa setahun;
 - 19.2.5 Mengemukakan Minit Mesyuarat Agung yang lalu dan Penyata Tahunan semasa kepada ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan;
 - 19.2.6 Menyimpan dan melengkapkan daftar ahli yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, tarikh dan tempat lahir, pekerjaan, nama dan alamat majikan serta alamat tempat tinggal;
 - 19.2.7 Menandatangani bersama seorang ahli Jawatankuasa segala cek untuk mengeluarkan wang Persatuan;
 - 19.2.8 Mengemukakan segala minit mesyuarat dan Penyata Tahunan Persatuan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa dua puluh lapan (28) hari dari tarikh mesyuarat Agung diadakan;
 - 19.2.9 Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Jawatankuasa.
- 19.3 Bendahari
- 19.3.1 Menyimpan Penyata Kewangan Persatuan;
 - 19.3.2 Menyimpan senarai harta-harta Persatuan;
 - 19.3.3 Menguruskan segala tuntutan sah yang dibuat ke atas Persatuan;
 - 19.3.4 Menandatangani bersama seorang Ahli Jawatankuasa segala cek untuk mengeluarkan wang Persatuan;
 - 19.3.5 Mengemukakan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Penyata Kewangan setelah disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira;
 - 19.3.6 Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Jawatankuasa.
- 19.4 Ahli Jawatankuasa Biasa
- Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah menolong pegawai lain menjalankan tugasnya apabila diarahkan oleh Jawatankuasa.

Fasal 20: MESYUARAT AGUNG

- 20.1 Perjalan Persatuan adalah tertakluk di bawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung, tetapi Mesyuarat Agung itu sendiri adalah tertakluk di bawah Undang-undang ini.
- 20.2 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan secepat mungkin selepas akhir tahun kewangan, selewat-lewatnya bulan April pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- 20.3 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dipanggil oleh Setiausaha dengan menghantar satu notis mesyuarat yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat serta agenda mesyuarat serta Penyata Kira-kira tahun lalu yang telah di audit kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan. Salinan surat ini juga hendaklah dipamerkan di tempat urusan Persatuan.
- 20.4 Korum Mesyuarat Agung ialah dua (2) kali bilangan ahli Jawatankuasa atau satu perdua ($1/2$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi (mengikut mana yang kecil). Sekiranya korum tidak mencukupi selepas satu (1) jam waktu yang ditetapkan, maka mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan dan dipanggil semula dalam tempoh tidak lewat dari tujuh (7) hari tanpa mengubah agendanya. Sekiranya korum tidak cukup selepas setengah ($1/2$) jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli yang hadir bolehlah menjalankan mesyuarat tetapi tidak berkuasa mengubah Undang-undang atau membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
- 20.5 Mesyuarat Agung hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Persatuan. Jika Pengerusi tidak hadir seorang ahli Jawatankuasa akan menggantikannya.
- 20.6 Tugas-tugas Mesyuarat Agung Tahunan ialah:
 - 20.6.1 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lalu;
 - 20.6.2 Menerima Laporan Tahunan Persatuan;
 - 20.6.3 Menerima Penyata Kewangan Persatuan yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira Dalam dan/ atau Juruaudit Luar;
 - 20.6.4 Melantik:
 - 20.6.4.1 Jawatankuasa seperti Fasal 15;

- 20.6.4.2 Dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira Dalam dan jika perlu seorang Juruaudit Luar;
- 20.6.4.3 Tiga (3) orang Pemegang Amanah, jika perlu
- 20.6.5 Menimbangkan sebarang cadangan yang dikemukakan kepada Setiausaha secara bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 20.7 Mesyuarat Agung Luar Biasa hendaklah dipanggil oleh Setiausaha atas:
 - 20.7.1 Arahan Pengerusi; atau
 - 20.7.2 Arahan dari Jawatankuasa; atau
 - 20.7.3 Permintaan bertulis daripada satu pertiga ($1/3$) jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan-tujuan mengadakannya.
- 20.8 Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- 20.9 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa ini hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- 20.10 Sekiranya korum seperti Fasal 20.4 tidak mencukupi selepas setengah ($1/2$) jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa seratus lapan puluh (180) hari daripada tarikh ini Mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- 20.11 Undi tidak percaya kepada Jawatankuasa atau salah seorang dari ahlinya bolehlah diambil di dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa dengan syarat perkara ini telah dikemukakan sebagai satu agenda mesyuarat.

Fasal 21: PENAUNG DAN PENASIHAT PERSATUAN

- 21.1 Penaung hendaklah dilantik di kalangan tokoh atau pemimpin Islam di Malaysia,
- 21.2 Penasihat hendaklah dilantik di kalangan tokoh atau pemimpin Islam di Malaysia.

Fasal 22: PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan-pindaan kepada Undang-undang hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah, Jabatan Hasil Dalam Negeri dan seterusnya kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa dua puluh lapan (28) hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu dipersetujui oleh Mesyuarat Agung dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai dari tarikh perubahan atau pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Fasal 23: PELABURAN HARTA TETAP

- 23.1 Lima puluh (50) peratus daripada wang Persatuan yang tidak digunakan dengan serta merta bolehlah dilaburkan atas jaminan Pemegang Amanah.
- 23.2 Sebarang harta tetap Persatuan ini tidak boleh dijual atau dilepaskan melainkan dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada Ahli Biasa yang hadir dalam Mesyuarat Agung.
- 23.3 Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Persatuan hasil dari penyertaannya dalam perniagaan atau pelaburan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, dan tidak sebahagian pun dari wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada sebarang ahli Persatuan. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik, untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-duanya sekali kepada seseorang kakitangan yang dilantik oleh Persatuan atau kepada mana-mana ahli atas pekerjaan Persatuan dengan syarat mereka telah memberikan khidmat kepada Persatuan.

Fasal 24: PEMEGANG AMANAH

- 24.1 Pemegang Amanah adalah terdiri dari ahli Persatuan yang berumur lebih dari dua puluh satu (21) tahun.
- 24.2 Tiga (3) orang Pemegang Amanah hendaklah dilantik dalam Mesyuarat Agung. Mereka bertanggungjawab di atas semua pelaburan persatuan dengan menandatangani suatu Surat Amanah.
- 24.3 Pemegang Amanah Persatuan akan memegang jawatan selama empat (4) tahun melainkan dipecat oleh Mesyuarat Agung.

- 24.4 Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar milik harta kepunyaan Persatuan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung.
- 24.5 Seseorang Pemegang Amanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur, kerana penyakit tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain-lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang pemegang Amanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pemegang amanah baru yang dilantik oleh Mesyuarat Agung.

BAB KETUJUH: PERTIKAIAN

Fasal 25: PERTIKAIAN

- 25.1 Seseorang ahli yang mendapati ada pertikaian dengan Persatuan berhak meminta diadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa untuk mengemukakan pengaduannya.
- 25.2 Jawatankuasa akan menyiasat pengaduannya itu dan akan cuba menyelesaikannya.
- 25.3 Sekiranya penyelesaian tidak tercapai, maka Jawatankuasa atau pihak yang mengadu boleh merujuk perkara pertikaian kepada Mesyuarat Agung untuk dibicarakan. Keputusan Mesyuarat Agung itu adalah muktamad dan terikat kepada kedua-dua pihak.

BAB KELAPAN: TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

Fasal 26: TAFSIR UNDANG-UNDANG

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham ke atas tafsiran Undang-Undang maka tafsiran yang diberi oleh Jawatankuasa adalah muktamad kecuali apabila dirombak oleh Mesyuarat Agung.

BAB KESEMBILAN: LARANGAN

Fasal 27: LARANGAN

- 27.1 Persatuan atau ahli-ahlinya tidak boleh dengan apa jua cara mencuba menghalang atau mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan dalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti yang diterangkan di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.
- 27.2 Faedah-faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2, Akta Pertubuhan 1966 tidaklah boleh diberi oleh Persatuan kepada mana-mana ahli Persatuan.
- 27.3 Seseorang pelajar Universiti atau Kolej Universiti tidak boleh diterima menjadi Ahli Persatuan kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor Universiti berkenaan terlebih dahulu.

BAB KESEPULUH: PEMBUBARAN PERSATUAN

Fasal 28: PEMBUBARAN PERSATUAN

- 28.1 Persatuan ini tidak boleh dibubarkan kecuali dengan persetujuan tidak kurang dari dua pertiga (2/3) dari bilangan ahli Persatuan yang berhak mengundi dan setelah diluluskan dalam Mesyuarat Agung yang dipanggil khas untuk tujuan tersebut.
- 28.2 Sekiranya Persatuan ini dibubarkan sebagai mana yang disyaratkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan yang sah pada undang-undang yang berlaku bagi pihak Persatuan, hendaklah dijelaskan dengan sepenuhnya dan baki wang dari hartabenda yang telah diberi perlepasan cukai pendapatan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri hendaklah didermakan kepada Kerajaan Malaysia atau lain-lain tabung dan badan-badan seumpamanya yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia; manakala baki wang dari hartabenda Persatuan yang tidak diberi perlepasan cukai pendapatan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia akan dibahagikan mengikut keputusan Mesyuarat Agung.
- 28.3 Perkara pembubaran Persatuan ini hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia, dan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam tempoh empat belas (14) hari selepas persetujuan pembubaran Persatuan.

Fasal 29: LOGO PERSATUAN

- 29.1 Logo ini memaparkan empat (4) unsur utama dari segi bentuknya.
- 29.1.1 Surah Al Isra Ayat 82

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ

Maksudnya: DAN KAMI TURUNKAN DARI (ISI) AL-QURAN, SESUATU YANG BOLEH MENYEMBUHKAN

- 29.1.2 Bulatan yang melambangkan bumi bagi menyatakan Agama dan ilmu itu bersifat universal.
- 29.1.3 Senaskah kitab yang terbuka di bahagian atas dalam bulatan, melambangkan Kitab Al-Quran yang menjadi pedoman hidup

umat Islam. Al-Quran sentiasa diamalkan ajarannya untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.

29.1.4 Susunan 6 jilid buku di bawah Al-Quran melambangkan sunan sittah iaitu 6 Kitab Hadith yang sering dirujuk oleh umat Islam.

- (i) Bukhari
- (ii) Muslim
- (iii) Abu Daud
- (iv) Nasa'i
- (v) Tirmizi
- (vi) Ibnu Majah

29.1.5 Simbol dua tangan yang sedang berdoa ini melambangkan sifat manusia dalam keperluan ikhtiar, berdoa dengan yakin dan ikhlas kepada Allah SWT untuk menyembuhkan penyakit. Dalam unsur keikhlasan ini terdapat tuntutan untuk sabar menghadapi dugaan serta bersyukur setelah mendapat kejayaan.

WARNA

29.2 Logo ini mempunyai tiga (3) warna rasmi:

29.2.1 Warna Emas, melambangkan niat ikhlas yang paling berharga dalam kehidupan manusia di sisi Allah SWT.

29.2.2 Warna Hijau Muda, melambangkan tumbuh-tumbuhan di bumi yang dicipta oleh Allah SWT yang banyak dimanfaatkan untuk berikhtiar bagi tujuan penyembuhan.

29.2.3 Warna Biru, melambangkan simbol air yang digunakan untuk pengubatan Islam dan juga melambangkan kelembutan, ketenangan dan kesejahteraan.

Logo ini mengimbangkan konsep Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai panduan hidup untuk mencapai keredaan Allah SWT dari semua segi kehidupan manusia dan sebagai penyembuh kepada berbagai masalah/ penyakit rohani dan jasmani yang sentiasa dihadapi oleh manusia.



(PERSATUAN ini telah diluluskan penubuhannya pada 6hb April 1989 bersamaan 29 Sya'aban 1409 dengan No Pendaftaran 4481189.(Selangor). Dokumen ini mengandungi semua pindaan yang dibuat sehingga 16 September 1991).